A

PP

lwn.

NAM OITHANTIP

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
MOHD ZAWAWI SALLEH PK
[SEMAKAN JENAYAH NO: MT(3) 44-12-2008]
13 JUN 2008

C ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Anti-Pemerdagangan Orang 2007 - Seksyen 51(3) - Perintah perlindungan - Permohonan untuk semakan – Sama ada Puan Majistret khilaf kerana hanya merujuk kepada laporan Pegawai Pelindung - Sama ada laporan pegawai penyiasat perlu dirujuk dan dipertimbangkan - Sama ada responden*
D *orang yang diperdagangkan - Akta Anti-Pemerdagangan Orang 2007, ss. 2, 16, 51(2), (3)(b)(ii)*

Ini adalah satu permohonan semakan di bawah Kanun Prosedur Jenayah terhadap perintah Mahkamah Majistret, yang telah
E menolak permohonan pegawai penyiasat untuk mendapatkan perintah perlindungan di bawah s. 51(3) Akta Anti-Pemerdagangan Orang 2007 ('Akta tersebut') kerana mahkamah mendapati bahawa kesemua 17 warganegara berkenaan, termasuklah responden, bukan orang yang diperdagangkan. Mahkamah Majistret telah
F memerintahkan supaya mereka dilepaskan kepada pihak imigresen untuk tindakan susulan yang diperlukan mengikut peruntukan Akta Imigresen 1959/63 seperti kehendak s. 51(3)(b)(ii) Akta tersebut. Dalam keputusannya, Puan Majistret menyatakan bahawa Mahkamah, selepas meneliti kesemua laporan yang dikeluarkan oleh
G Pegawai Pelindung di bawah s. 51(2) Akta tersebut berdasarkan peruntukan di bawah s. 51(3)(b)(ii) Akta tersebut, dengan ini mendapati semua penama adalah bukan orang yang diperdagangkan.

Diputuskan (membenarkan permohonan):

H **(1)** Adalah jelas bahawa Puan Majistret hanya membuat rujukan kepada laporan Pegawai Pelindung sahaja tanpa membuat rujukan dan mempertimbangkan laporan yang disediakan pegawai penyiasat yang dikemukakan kepadanya. Justeru, kehendak-kehendak s. 51(3) Akta tersebut telah tidak dipenuhi
I sewajarnya. Kegagalan Puan Majistret meneliti dan mempertimbangkan laporan pegawai penyiasat adalah tidak teratur kerana ia tidak membolehkan beliau mendapatkan

semua maklumat yang relevan bagi membuat kesimpulan sama ada responden ialah orang yang diperdagangkan atau tidak bagi maksud Akta tersebut sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang. Berdasarkan fakta yang terdapat dalam kes ini, adalah jelas bahawa responden ialah orang yang diperdagangkan kerana: (i) dia termasuk di bawah tafsiran "orang yang diperdagangkan" di bawah s. 2 Akta tersebut, iaitu orang yang menjadi mangsa atau objek perbuatan pemerdagangkan orang. "Pemerdagangkan orang" pula ditakrifkan sebagai "perekrutan, pengangkutan, pemindahan, perlindungan, penyediaan atau penerimaan seseorang bagi maksud eksploitasi". Responden telah datang ke Malaysia kerana diajak oleh kawannya untuk bekerja sebagai tukang urut. Apabila sampai di Malaysia, dia diambil oleh seorang lelaki Cina dikenali sebagai Uncle Chua dan terus dibawa ke sebuah rumah dua tingkat di mana lokasi tidak diketahui. Kunci rumah pula dipegang oleh Uncle Chua. Urusan pergi balik dan balik kerja juga diuruskan oleh Uncle Chua. Responden mengaku telah dijadikan pelacur dan terpaksa melayan pelanggan seramai lima hingga enam orang sehari. Adalah jelas responden telah diberi "perlindungan" bagi tujuan eksploitasi iaitu pelacuran; dan (ii) s. 16 Akta tersebut memperuntukkan bahawa sekiranya orang yang diperdagangkan itu merelakan perbuatan permedagangannya sekalipun, ia tidaklah menjadi suatu pembelaan bagi kesalahan-kesalahan di bawah ss. 12, 13 dan 14 Akta tersebut. Oleh itu, kerelaan responden adalah tidak relevan bagi tujuan menentukan sama ada dia ialah orang yang diperdagangkan atau tidak. (perenggan 6)

[Mengenepikan perintah Mahkamah Majistret, dan mengeluarkan satu perintah perlindungan di bawah s. 51(3)(a)(ii) Akta tersebut terhadap responden untuk tempoh tidak melebihi tiga bulan dari perintah tersebut.]

Perundangan yang dirujuk:

Anti-Trafficking in Persons Act 2007, ss. 2, 12, 13, 14, 16, 44(2), 51(1)(a), (b), (2), (3)(a)(ii), (b)(ii), 66, 67
Criminal Procedure Code, s. 325
Interpretation Acts 1948 and 1967, s. 17A

Sumber-sumber yang dirujuk:

NS Bindra's, *Interpretation of Statutes*, 8th edn, ms 428

Bagi pihak perayu - Adillah Ahmad TPR
Responden tidak diwakili

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Mohd Zawawi Salleh PK:

Latar Belakang

[1] Ini adalah satu permohonan semakan di bawah peruntukan Bab XXXI Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) terhadap perintah Mahkamah Majistret Johor Bahru, yang telah menolak permohonan pegawai penyiasat untuk mendapatkan perintah perlindungan di bawah s. 51(3) Akta Antipemerdagangan Orang 2007 (Akta 670) (Akta tersebut) kerana mahkamah mendapati bahawa kesemua 17 Warganegara Thailand berkenaan, termasuklah responden, bukanlah orang yang diperdagangkan. Mahkamah Majistret telah memerintahkan supaya mereka dilepaskan kepada pihak Imigresen untuk tindakan susulan yang diperlukan mengikut peruntukan Akta Imigresen 1959/63 seperti kehendak s. 51(3)(b)(ii) Akta tersebut.

Fakta Kes

[2] Pada 24 Mac 2008, Mahkamah Majistret telah memberi perintah interim di bawah s. 44(2) Akta tersebut kepada seramai 17 orang Warganegara Thailand, termasuklah responden, bagi tujuan penyiasatan dan siasatan di bawah s. 51 Akta tersebut.

[3] Seksyen 44 Akta tersebut memperuntukkan:

> 44. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh, atas syak yang munasabah bahawa orang yang dijumpai atau diselamatkan ialah orang yang diperdagangkan, mengambil orang itu ke dalam jagaan sementara dan mengemukakan orang itu ke hadapan Majistret dalam masa dua puluh empat jam, tidak termasuk masa yang perlu bagi perjalanan ke Mahkamah Majistret, bagi maksud memperoleh perintah perlindungan interim.
>
> (2) Majistret boleh membuat perintah perlindungan interim bagi orang yang ditempatkan di tempat perlindungan selama tempoh empat belas hari bagi maksud menjalankan penyiasatan dan siasatan di bawah s. 51.

(3) Pegawai penguat kuasa hendaklah, apabila memperoleh perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (2), menyerahkan orang yang diperdagangkan itu kepada Pegawai Pelindung untuk menempatkan orang yang diperdagangkan itu di tempat perlindungan yang dinyatakan dalam perintah.

[4] Pada 6 April 2008, kes ini dirujuk semula kepada Mahkamah Majistret Johor Bahru oleh pegawai penyiasat untuk mendapatkan perintah perlindungan di bawah s. 51(3) Akta tersebut terhadap 17 orang Warganegara Thailand itu kerana disyaki merupakan orang yang diperdagangkan bagi maksud Akta tersebut. Seperti yang dinyatakan terdahulu, permohonan tersebut telah ditolak.

Keputusan Mahkamah Majistret

[5] Dalam keputusannya, Puan Majistret menyatakan "mahkamah selepas meneliti kesemua laporan yang dikeluarkan oleh Pegawai Pelindung di bawah s. 51(2), berdasarkan peruntukan di bawah s. 51(3)(b)(ii), dengan ini mendapati semua penama adalah bukan orang yang diperdagangkan." (penekanan dibuat).

Keputusan Mahkamah

[6] Selepas meneliti keputusan Puan Majistret, dengan hormat, mahkamah berpendapat bahawa beliau telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila menolak permohonan bagi perintah perlindungan di bawah s. 51(3) Akta tersebut atas alasan-alasan yang berikut:

6.1 Adalah jelas bahawa Puan Majistret hanya membuat rujukan kepada laporan Pegawai Pelindung sahaja tanpa membuat rujukan dan mempertimbangkan laporan yang disediakan pegawai penyiasat yang dikemukakan kepadanya. Justeru, kehendak-kehendak s. 51(3) Akta tersebut telah tidak dipenuhi sewajarnya. Seksyen 51(2) Akta tersebut ialah seperti yang berikut:

51. (2) Apabila selesai sesuatu penyiasatan dan siasatan di bawah subseksyen (1), *pegawai penguat kuasa dan Pegawai Pelindung hendaklah menyediakan suatu laporan dan mengemukakan laporan itu bersama-sama dengan orang itu ke hadapan Mahkamah Majistret bagi maksud memuaskan hati Majistret bahawa orang itu adalah orang yang diperdagangkan di bawah Akta ini.* (Penekanan dibuat).

Seksyen 51(3) Akta itu pula menghendakki seseorang Majistret yang memutuskan sama ada orang yang dibawa ke hadapannya ialah orang yang diperdagangkan bagi maksud Akta itu atau tidak membaca kedua-dua laporan yang dikemukakan oleh pegawai penguatkuasa dan Pegawai Pelindung dan bukan hanya laporan Pegawai Pelindung sahaja. Laporan yang dikehendaki dibaca oleh Majistret ialah laporan yang dikemukakan di bawah s. 51(2) iaitu laporan yang disediakan oleh Pegawai Pelindung dan juga laporan yang disediakan oleh pegawai penguatkuasa.

6.2 Jika rujukan dan pertimbangan dibuat kepada Laporan Pegawai Pelindung sahaja adalah diakui bahawa tidak terdapat fakta yang mencukupi bagi mewajarkan Puan Majistret membuat suatu perintah perlindungan di bawah s. 51(3) Akta tersebut terhadap responden. Fakta relevan yang dilaporkan oleh Pegawai Pelindung ialah seperti yang berikut:

> 5.0 ULASAN DAN SYOR PEGAWAI PELINDUNG
>
> Saya menilai penama ini bukanlah mangsa aktiviti pemerdagangan orang sebaliknya datang ke Malaysia atas kerelaan sendiri.
>
> Oleh yang demikian, adalah disyorkan beliau dikeluarkan dari Tempat Perlindungan.

6.3 Sebaliknya, laporan yang disediakan oleh pegawai penguatkuasa jelas menunjukkan bahawa responden telah dikurung dan dipaksa menjadi pelacur. Laporan tersebut menyatakan:

> A5 – Nam Oithanthip (P) Thailand
>
> Datang ke Malaysia diajak oleh kawan untuk bekerja sebagai tukang urut. Sampai di Malaysia di sebuah perhentian bas dan diambil oleh satu lelaki Cina dikenali sebagai Uncle Chua dan terus dibawa ke sebuah rumah 2 tingkat di mana lokasi tidak diketahui. Tidak pernah dikurung di dalam rumah tersebut di mana cuma kunci rumah dipegang oleh Uncle Chua. Pergi dan balik kerja diuruskan oleh Uncle Chua sendiri. Mengaku bekerja sebagai pelacur di Marco Polo. Mengatakan dipaksa menjadi pelacur dan dipaksa melanggan pelanggan hingga ke 5 atau 6 orang sehari. Mengatakan sentiasa dikawal setiap masa sama ada di rumah atau di tempat kerja. Pintu rumah dikunci dari luar dan tidak benarkan keluar sama ada oleh Uncle Chua dan rakan-rakannya. Datang dengan niat menjadi tukang urut tetapi telah dipaksa menjadi pelacur.

6.4 Pada pandangan mahkamah, dalam memutuskan sama ada seseorang itu ialah orang yang diperdagangkan atau tidak di bawah Akta tersebut, laporan pegawai penyiasat adalah lebih relevan jika dibandingkan dengan Laporan Pegawai Pelindung. Penelitian terhadap s. 51(1)(a) Akta tersebut sendiri mengesahkan pandangan ini. Seksyen tersebut memperuntukkan bahawa seseorang pegawai penguatkuasa hendaklah menyiasat keadaan kes orang itu bagi maksud menentukan sama ada orang itu adalah orang yang diperdagangkan atau tidak di bawah Akta tersebut. Sedangkan tugas Pegawai Pelindung seperti yang terdapat dalam s. 51(1)(b) fakta tersebut hanyalah "menjalankan siasatan terhadap latar belakang orang itu." Dengan demikian, pegawai penyiasat (dalam kes ini ialah pegawai polis) berada dalam keadaan yang lebih baik untuk mengemukakan fakta-fakta yang berkaitan bagi menentukan sama ada seseorang itu ialah orang yang diperdagangkan atau tidak di bawah Akta tersebut.

6.5 Melihat kepada pembahagian tugas dan fungsi yang ditetapkan oleh s. 51(1)(a) dan (b), Pegawai Pelindung hanya perlu menyiasat latar belakang mangsa. Ini bermakna dia perlu menyiasat butiran peribadi, latar belakang keluarga, perihal mangsa (kesihatan, pendidikan, pekerjaan dan kemahiran), tingkahlaku dan hubungan dengan ahli keluarga dan sebagainya. Sedangkan tugas dan fungsi yang ditetapkan kepada pegawai penyiasat adalah menjurus ke arah mengumpul keterangan dan fakta bagi mencapai kesimpulan sama ada responden adalah orang yang diperdagangkan atau tidak. Dalam laporannya, pegawai penyiasat dalam kes ini, ASP G/14936 Norizam bin Ibrahim, telah menyediakan "Investigation Diary" yang menyenaraikan secara terperinci tindakan-tindakan yang telah diambil dan hasil siasatan bagi membantu mahkamah menentukan status orang yang dikemukakan ke hadapannya.

6.6 Walau apa pun, kegagalan Puan Majistret meneliti dan mempertimbangkan laporan pegawai penyiasat adalah tidak teratur kerana ia tidak membolehkan beliau mendapatkan semua maklumat yang relevan bagi membuat kesimpulan sama ada responden ialah orang yang diperdagangkan atau tidak bagi maksud Akta tersebut sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang. Adalah menjadi undang-undang yang mantap "when interpreting a statute, the courts have a duty to give

full force and effect to every word thereof." Seksyen 51(3) Akta tersebut secara nyata dan jelas memperuntukkan: "Jika Majistret, selepas membaca laporan yang dikemukakan di bawah subseksyen (2) ...". Subseksyen (2) merujuk kepada kedua-dua laporan yang disediakan oleh pegawai penyiasat dan Pegawai Pelindung. Tambahan pula, perlu diberi perhatian bahawa apabila sesuatu statut diluluskan bagi membolehkan sesuatu tindakan dilaksanakan dan cara bagaimana melaksanakannya telah ditetapkan, mahkamah tidak boleh mengenepikan cara yang ditetapkan tersebut. Oleh itu, dalam kes ini, sebelum Puan Majistret memutuskan sama ada beliau telah berpuas hati sama ada orang yang dibawa ke hadapannya ialah orang yang diperdagangkan atau tidak, rujukan hendaklah dibuat kepada kedua-dua laporan seperti yang diperuntukkan oleh s. 51(3) Akta tersebut.

6.7 Berdasarkan fakta yang terdapat dalam kes ini, adalah jelas bahawa responden ialah orang yang diperdagangkan kerana:

(a) dia termasuk di bawah tafsiran "orang yang diperdagangkan" di bawah s. 2 Akta itu, iaitu orang yang menjadi mangsa atau objek perbuatan pemerdagangkan orang. "Pemerdagangkan orang" pula ditakrifkan sebagai "perekrutan, pengangkutan, pemindahan, perlindungan, penyediaan atau penerimaan seseorang bagi maksud eksploitasi". Responden telah datang ke Malaysia kerana diajak oleh kawannya untuk bekerja sebagai tukang urut. Apabila sampai di Malaysia, dia diambil oleh seorang lelaki Cina dikenali sebagai Uncle Chua dan terus dibawa ke sebuah rumah 2 tingkat di mana lokasi tidak diketahui. Kunci rumah pula dipegang oleh Uncle Chua. Urusan pergi balik dan balik kerja juga diuruskan oleh Uncle Chua. Responden mengaku telah dijadikan pelacur dan terpaksa melayan pelanggan seramai 5-6 orang sehari. Adalah jelas responden telah diberi "perlindungan" bagi tujuan eksploitasi iaitu pelacuran.

(b) Seksyen 16 Akta tersebut memperuntukkan bahawa sekiranya orang yang diperdagangkan itu merelakan perbuatan pemerdagangannya sekalipun, ia tidaklah menjadi suatu pembelaan bagi kesalahan-kesalahan di bawah ss. 12, 13 dan 14 Akta tersebut. Oleh itu, kerelaan responden adalah tidak relevan bagi tujuan menentukan sama ada dia ialah orang yang diperdagangkan atau tidak.

[7] Cerita sedih Nam Oithantip nampaknya bukanlah merupakan sebuah cerita yang terasing. Surat khabar dan media elektronik penuh dengan cerita-cerita wanita yang diselamatkan dari sindiket pelacuran dan wanita yang diperangkap dalam perhambaan seks. Kebanyakkan dari wanita yang menjadi mangsa itu pada mulanya mempunyai impian untuk mendapat pekerjaan yang baik, berkeluarga dan masa hadapan yang menjanjikan kebahagiaan. Impian tersebut akhirnya telah musnah. Mangsa pemerdagangan orang datang dari pelbagai negara tetapi mempunyai nasib yang sama. Mereka adalah wanita muda yang diperangkap atau dipaksa menjadi pelacur. Perbuatan ini tidak syak lagi adalah "an affront to human dignity and a profound assault on human values". Jenayah keji ini hanya boleh ditangani melalui usaha-usaha bersepadu semua pihak yang terlibat iaitu badan perundangan, pegawai penguatkuasa, pegawai pendakwa, badan kehakiman dan badan-badan bukan kerajaan (NGOs). Mereka semua perlu memainkan peranan masing-masing sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang.

[8] Secara sepintas lalu, memandangkan Akta itu baru sahaja dikuatkuasakan pada 1 Oktober 2007, bagi Bahagian I, II, ss. 66 dan 67 (lihat P.U.(B) 338/2007) dan pada 28 Februari 2008, bagi Bahagian III, IV, V dan VI (lihat P.U.(B) 86/2008), barangkali suai-manfaat jika tujuan Akta ini dijelaskan untuk dijadikan panduan kepada Majistret-Majistret. Tujuan Parlimen meluluskan Akta Antipemerdagangan Orang 2007 ialah untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan pemerdagangkan orang, perlindungan dan bantuan orang yang diperdagangkan, penubuhan Majlis bagi Antipemerdagangan Orang, dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya (lihat tajuk panjang Akta tersebut). Sebelum Akta tersebut diluluskan, terdapat banyak kritikan terhadap Malaysia mengenai usaha-usaha yang diambil bagi membanteras aktiviti memperdagangkan orang. U.S State Department Trafficking In Person Report, June 2007, misalnya, melaporkan seperti yang berikut:

> Malaysia is a destination country, and to a lesser extent, a source and transit country for women and children trafficked for the purpose of commercial sexual exploitation … Some Malaysian women, primarily of Chinese ethnicity, are trafficked abroad for sexual exploitation.

> The Government of Malaysia does not fully comply with the minimum standards for the elimination of trafficking and is not making significant efforts to do so. Malaysia is placed on Tier 3 for its failure to show satisfactory progress in combating trafficking in persons, particularly in the areas of punishing acts of trafficking, providing adequate shelters and social services to victims, ... and for not prosecuting traffickers who were arrested and detained under preventive laws. The Malaysian government needs to demonstrate stronger political will to tackle Malaysia's significant sex trafficking problem. The government did not establish a government-run shelter for foreign trafficking victims that the Ministry for Women, Family and Community Development announced publicly in December 2004 and again in August 2006. Without procedures for the identification of victims, the government continued to treat some trafficking victims as illegal immigrants, and arrest, incarcerate, and deport them. As a regional economic leader approaching developed nation status, Malaysia has the resources and government infrastructure to do far more in addressing the issue of trafficking in persons. Malaysia's House of Representatives passed the Anti-Trafficking in Persons Act on 10 May 2007, which, if enacted, gives Malaysia a significant potential tool with which to effect anti-trafficking reforms. The government needs to show a serious increase in efforts to punish trafficking crimes and to identify and protect trafficking victims over the coming year.

[9] Laporan tersebut telah ditolak sekeras-kerasnya oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan berkata: "We were very disappointed with the report as it is inaccurate and does not reflect Malaysia's continuous efforts in combating human trafficking. The Malaysian government views human trafficking as one of the most serious threats to human rights and human security and will continue to take comprehensive measures to combat human trafficking". (Lihat *People's Daily Online*, 15 Jun 2007).

[10] Justeru, penggubalan Akta Antipemerdagangan Orang 2007 adalah suatu manifestasi keazaman kerajaan dalam menangani isu ini. Akta ini merupakan undang-undang spesifik yang menyeluruh merangkumi aspek pendakwaan, pencegahan, jagaan dan perlindungan bagi menangani jenayah memperdagangkan orang.

[11] Walaupun "the principal duty of a court is to give effect to the intention of the legislature as expressed in the words used by it and no outside consideration can be called in to find that intention", namun "for this purpose the court may look to the

reasons which led to the passing of the enactment in order to properly gather the intention." (Lihat *N.S. Bindra's Interpretation of Statutes*, 8th edn, ms 428).

[12] Seksyen 17A Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (Akta 388) pula memperuntukkan:

> In the interpretation of a provision of an Act, a construction that would promote the purpose or object underlying the Act (whether that purpose or object is expressly stated in the Act or not) shall be preferred to a construction that would not promote that purpose or object.

[13] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, menurut s. 325 Kanun Prosedur Jenayah, mahkamah dengan ini membenarkan permohonan semakan dan mengenepikan perintah Puan Majistret Johor Bahru bertarikh 6 April 2008, yang menolak permohonan perintah perlindungan di bawah s. 51(3) Akta Antipemerdagangan Orang 2007 dan seterusnya satu perintah perlindungan di bawah s. 51(3)(a)(ii) Akta yang sama dikeluarkan terhadap responden untuk tempoh tidak melebihi tiga bulan dari perintah tersebut dikeluarkan.